

30 SEP 1996
Politik-Kelantan (Analisis Berita)
MAMPUKAH KERAJAAN PAS BERTAHAN TANPA S46?

Oleh: Ali Mamat

KOTA BAHARU, 30 Sept (Bernama) -- Dengan hanya tinggal tidak sampai seminggu sebelum pembubaran Parti Melayu Semangat 46 (S46), persoalan yang sedang hangat diperkatakan di sini ialah mampukah kerajaan Pas Kelantan bertahan, sekurang-kurangnya sehingga pilihan raya umum akan datang.

Pas dan S46 berkongsi kuasa memerintah negeri ini sejak mengalahkan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum 1990 dan 1995.

Bagaimanapun persepakatan kedua-dua parti itu menerusi gabungan longgar Angkatan Perpaduan Ummah terburai kira-kira tiga bulan lepas apabila Presiden S46 Tengku Razaleigh Hamzah mengumumkan hasrat untuk membubarkan parti itu dan membawa pengikut-pengikutnya menyertai Umno.

Menurut jadual, parti serpihan Umno itu akan dibubarkan pada 6 Okt.

Di atas kertas, Pas memang masih mampu bertahan sehingga pilihan raya umum akan datang (selewat-lewatnya pada tahun 2000) kerana ia kini menguasai 25 daripada 43 kerusi Dewan Undangan Negeri. S46 hanya menguasai 11 kerusi selepas seorang Anggota Dewan Undangan Negerinya dari kawasan Kelaboran menyertai Pas baru-baru ini manakala BN menguasai tujuh kerusi -- Umno enam dan MCA satu.

Bagaimanapun, menurut pemerhati kedudukan kerajaan Pas amat tidak selesa dengan memiliki majoriti yang sangat tipis itu dan ia boleh tumbang dengan mudah jika, katakanlah, berlaku kejadian Anggotanya melompat kepada Umno.

"Selepas penyertaan Anggota S46 kelak, kerusi BN di Dewan Undangan Negeri Kelantan akan meningkat kepada 18. Ia hanya memerlukan lima atau enam kerusi lagi untuk memiliki majoriti mudah dan menumbangkan kerajaan Pas," kata seorang pemerhati.

Kalangan pemerhati juga berpendapat ini bukan mustahil kerana lambat-laun anggota Pas terpaksa menerima realiti politik semasa tanah air dengan menyertai harakah yang lebih besar, Umno.

Pas cuba menidakkan kemungkinan itu dengan mendakwa bahawa "ADUN Pas sekarang terdiri daripada mereka yang benar-benar berjuang untuk menegakkan syiar Islam dan tidak mementingkan kedudukan atau harta benda. Mereka hanya mengharapkan pembalasan Allah di hari akhirat".

Orang Umno menyifatkan hujah sedemikian sebagai tidak lebih daripada retorik politik sahaja.

Dengan kemungkinan-kemungkinan yang ada itu, apakah pilihan terbaik bagi Pas untuk mengukuhkan kedudukannya atau adakah ia akan membiarkan masa menentukan keadaan?

Sesetengah pemerhati berpendapat, untuk keluar daripada keadaan itu, besar kemungkinan kerajaan Pas akan membubarkan DUN dan meminta mandat baru daripada rakyat menerusi pilihan raya negeri dalam tempoh yang terdekat ini.

Dengan mengambil kira senario yang ada, rata-rata pemerhati percaya Pas boleh kembali berkuasa, mungkin dengan majoriti yang lebih besar.

Antara faktor yang menurut pemerhati boleh memberi kelebihan kepada Pas ialah undi simpati rakyat kepada Menteri Besar Datuk Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat yang pada pandangan mereka begitu sabar menghadapi pelbagai dugaan ekoran perpecahan Pas dengan S46 itu.

Sumber-sumber Pas pula mendakwa, rakyat Kelantan kini benar-benar keliru dengan pendirian politik Tengku Razaleigh yang "sekejap-sekejap bercakap tentang perpaduan Melayu, pada masa yang sama menghancurkan perpaduan itu dengan meninggalkan Umno, kemudian bercakap pula tentang

Islam sebagai Addin dan kini memusuhi Pas, juga dengan alasan perpaduan dan penyatuan orang Melayu".

Berdasarkan kepada hujah itu, ada pemimpin PAS di sini yang optimistik bahawa parti itu berupaya menyapu bersih 43 kerusi DUN jika pilihan raya diadakan dalam masa yang terdekat ini.

Sesetengah pemerhati juga berkecenderungan untuk membuat rumusan serupa, lebih-lebih lagi jika tidak ada usaha serius dilakukan bagi memulihkan semula persaudaraan antara orang Umno dan S46, terutama di peringkat akar umbi, yang terencat dengan teruk sekali selama hampir lapan tahun S46 bergabung dengan Pas.

Umno sebaliknya yakin dengan penyertaan S46 ke dalam Umno kelak, ia bukan sahaja berupaya mempertahankan tujuh kerusi yang dimenangnya pada pilihan raya umum 1995 dan 12 kerusi yang dimenangi S46 (termasuk kerusi DUN kawasan Kelaboran), bahkan ia juga berupaya merampas sekurang-kurangnya lima kerusi yang dahulu dimenangi Pas -- Chetok, Bukit Panau, Semerak, Kemuning dan Air Lanas. Semua kerusi itu dimenangi calon Pas dengan majoriti kurang daripada 1,000 undi.

Kebanyakan pemimpin Umno negeri ini juga yakin, tradisi pengundi Kelantan memilih calon yang mewakili parti yang lebih mudah berurusan dengan Istana akan berterusan.

BN kecundang di Kelantan pada pilihan raya umum 1990 dan 1995, menurut pemerhati, kerana antara lain gabungan Pas-S46 ternyata disenangi Istana pada ketika itu.

Umum tahu bahawa pada ketika itu ruang bagi Umno untuk menghampiri Istana tertutup ekoran langkah kerajaan pusat meminda Perlembagaan Persekutuan bagi menghapuskan imuniti raja-raja. Bekas Menteri Besar kerajaan BN Tan Sri Haji Mohamad Yaacob dikatakan merupakan salah seorang mangsa keadaan itu kerana beliau menyokong pindaan berkenaan.

Bagaimanapun, masa ternyata telah mengubah segala-galanya dan menurut perkhbaran terbaru, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan berkunjung ke Kelantan 3 Okt ini akan menginap di Istana Kota Lama, di sini dengan perkenan Sultan.

Perkembangan itu, menurut pemerhati, amat besar ertinya kerana kedatangan Dr Mahathir pada hari itu ialah untuk merasmikan Perhimpunan Penyatuan Melayu sebagai pembuka tirai pembubaran S46.

Sebaliknya, hubungan Sultan dengan Pas dikatakan terus renggang sehingga usaha Nik Aziz untuk menghadap baginda bagi menyembahkan keputusannya menggugurkan empat anggota Exco kerajaan negeri daripada S46 masih belum tercapai.

Nik Aziz juga dilaporkan tidak lagi diundang ke majlis-majlis yang dihadiri Sultan.

Menurut pemerhati, perkembangan itu menyebabkan Pas kini menukar kepada strategi ofensif dalam konteks hubungannya dengan Istana setelah sekian lama mengambil sikap "tunggu dan lihat".

Menurut sumber-sumber Umno, apa yang sedang berlaku antara Istana dan kerajaan Pas adalah suatu rahmat terselindung buat Umno kerana rakyat akan menyokong siapa sahaja yang boleh berurusan dengan Istana demi kestabilan politik negeri.

Pengaruh Tengku Razaleigh sendiri tidak boleh diperlekehkan kerana secara amnya rakyat masih tidak lupa jasa-jasa bekas Menteri Kewangan itu yang telah membawa begitu banyak pembangunan ke Kelantan sepanjang pemerintahan BN dari 1978 hingga 1990.

Soalnya sekarang, apakah PAS bersedia berhadapan dengan satu pilihan raya baru dan jika ditakdirkan Pas terus berkuasa selepas itu, apakah ia mampu membentuk sebuah kerajaan negeri yang stabil?

Pemerhati percaya, dalam keadaan hubungannya dengan Istana yang renggang, Pas tentu akan berhadapan dengan masalah walaupun memenangi

pilihan raya itu kerana menurut perlembagaan negeri, perlantikan Menteri Besar mestilah terlebih dahulu mendapat perkenan Sultan.

Justeru awal-awal lagi Nik Aziz telah menegaskan bahawa pilihan raya baru tidak perlu diadakan kerana "dalam keadaan sekarang Pas masih boleh memerintah dan kita ada cara-cara tersendiri untuk menyelesaikan krisis politik sekarang".

Ada teori yang mengatakan "cara-cara tersendiri" yang dimaksudkan Nik Aziz itu ialah mendapatkan pandangan mahkamah berhubung aspek perundangan dan batasan-batasan tertentu di bawah sistem Raja Berperlembagaan. Itulah agaknya yang dibincangkannya dengan Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah baru-baru ini.

Ada pula kalangan yang berpendapat jalan penyelesaian terakhir kepada krisis politik itu ialah penguatkuasaan pemerintahan darurat secara terus oleh kerajaan pusat menerusi Majlis Gerakan Negara (Mageran) seperti yang pernah dilakukan di negeri ini pada lewat tahun 1977.

Soalnya, kata pemerhati, apakah justifikasi yang ada sehingga boleh memaksa kerajaan pusat bertindak demikian pada kali ini dan tidakkah tindakan seumpama itu "terlalu mahal harganya" kepada imej Malaysia sebagai sebuah negara yang mengamal sistem demokrasi?

Jika Mageran juga bukan pilihannya, maka yang pastinya kerajaan Pas akan terus memerintah Kelantan dalam keadaan yang serba pincang untuk beberapa ketika lagi dan Umno pula terpaksa menerima status-quo sebagai pembangkang sambil terus bekerja keras untuk menawan negeri ini pada pilihan raya umum akan datang.

-- BERNAMA

AM NMO